



TANDA KENANGAN .. TYT Tun Ahmadshah menerima cenderakenangan daripada Prof. Dr. Kamaruzaman (dua dari kanan).

TYT saksi bola sepak persahabatan Istana melawan PPUMS

KOTAKINABALU: TYT Tun Ahmadshah Bin Abdullah yang juga Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah meluangkan masa menyaksikan perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Istana Sabah dan pasukan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) di Stadium UMS baru-baru ini.

Perlawanan persahabatan

itu merupakan antara aktiviti mengeratkan lagi silaturahim kedua-dua pihak di samping memberi gambaran kepada masyarakat akan pentingnya menjadikan sukan sebagai salah satu budaya hidup.

Perlawanan itu dimenangi pasukan Istana Sabah dengan keputusan 3-1 dan Azlan Ahmad Tun Ahmadshah merupakan salah seorang penjaring gol.

Bagaimanapun aksi Timbalan

Naib Canselor (HEP & Alumni) Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur dan Pendaftar UMS Mejar (K) Abdullah Hj Mohd Said berjaya mencuri tumpuan dan menggamatkan suasana perlawanan malam itu.

Perlawanan ini turut disaksikan Naib Canselor Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon serta pegawai-pegawai utama UMS yang lain.